

# MAJLIS PENUTUP ‘CABIN INSTRUCTOR COURSE AQM/STEWARDESS’ (CIC) SIRI 06/19

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5424-majlis-penutup-cabin-instructor-course-aqm-stewardess-cic-siri-06-19](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/5424-majlis-penutup-cabin-instructor-course-aqm-stewardess-cic-siri-06-19)

ALOR SETAR, 19 Sep 19 – Majlis Penutup ‘Cabin Instructor Course AQM/Stewardess’ (CIC) Siri 06/19 telah diadakan di Dewan Taming Sari, Kolej Tentera Udara.

Kursus ini telah berlangsung selama 10 minggu di Institut Latihan Terbang Instruktur (ILIT) bagi fasa ‘Ground Instructional Technique’ (GIT) manakala fasa ‘Airborne Instructional Technique’ (AIT) akan di kendalikan di skuadron penerbangan masing-masing bagi melayakkan sebagai ‘Qualified Cabin Instructor’ (QCI).

Seramai 19 pelatih telah berjaya menamatkan CIC-GIT dengan jayanya terdiri daripada AQM/Stewardess dari pelbagai cabang ATM iaitu 13 anggota TUDM, 2 anggota TLDM, 2 anggota TD dan 3 anggota Unit Udara Bomba (UUB). Anugerah Terbaik Keseluruhan CIC-GIT telah dianugerahkan kepada Sjn U Jeyabalan a/l Rajagopal daripada 16 Skwadron, PU Subang.

Majlis penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Komandan KTU, Brig Jen Dato’ Muhammad Tarminzi bin Hj Mustapha TUDM dan turut di hadiri oleh Pengarah Udara JBPM PKPjB YS Nazili bin Mahmood seterusnya merasmikan majlis penutup.

